

**MOHD IRWAN SYAZLI** Saidin  
**MOHAMMAD AGUS** Yusoff  
Universiti Kebangsaan Malaysia

**SEPARATISME DAN TERORISME DI ASIA TENGGARA:  
KAJIAN KES GAM, MILF DAN PULO**

***SEPARATISM AND TERRORISM IN SOUTHEAST ASIA:  
THE CASE OF GAM, MILF AND PULO***

*Artikel ini membincangkan separatisme dan terorisme di Asia Tenggara dengan merujuk kepada kajian kes Gerakan Aceh Merdeka (GAM) di Indonesia, Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) di Selatan Filipina dan Pertubuhan Pembebasan Patani Bersatu (PULO) di Selatan Thailand. Fokus artikel adalah untuk melihat sejauh mana perkaitan GAM, MILF dan PULO dengan terorisme menerusi beberapa insiden keganasan yang pernah berlaku di rantau Asia Tenggara. Kajian ini dilaksanakan menerusi kaedah kualitatif iaitu dokumen analisis bersumberkan laporan penyelidikan, akhbar dan laman sesawang. Ketiga-tiga gerakan pemisah ini pernah bergiat aktif dalam memperjuangkan kemerdekaan dan tuntutan wilayah autonomi sekitar awal 1990-an sehingga pertengahan 2000-an. Sepanjang tempoh tersebut, pelbagai siri serangan dan keganasan berlaku seperti penculikan, pengeboman berani mati dan tembakan rambang membabitkan kecelakaan terhadap orang awam dan pihak berkuasa. Situasi ini telah mengancam kestabilan dan keselamatan rantau Asia Tenggara apabila gerakan separatis GAM, MILF dan PULO dilihat melaksanakan modus operandi kumpulan pengganas transnasional seperti al-Qaeda dan Jemaah Islamiyah dalam usaha untuk mencapai objektif tuntutan pemisahan wilayah mereka. Walaupun pimpinan GAM, MILF dan PULO menafikan sebarang pembabitian dengan kegiatan terorisme, artikel ini mendapati beberapa persamaan tingkah laku, sumber latihan ketenteraan, dana dan peralatan yang diperolehi dilihat menyokong hujah bahawa gerakan pemisah di Asia Tenggara adalah saling berkait dengan terorisme.*

**Kata kunci:** GAM, MILF, PULO, terorisme, separatisme

*This article discusses separatism and terrorism in Southeast Asia by referring to the cases of Free Aceh Movement (GAM) in Indonesia, Moro Islamic Liberation Front (MILF) in Southern Philippine and Patani United Liberation Front (PULO) in Southern Thai. The focus*

*of this research is to examine the extent to which GAM, MILF and PULO related to terrorism via several violent incidents that took place in Southeast Asia. This research adopted qualitative method through document analysis such as reports, newspapers dan websites. Between 1990s until 2000s, the three separatist groups had been actively struggling for independence and self-determination. Throughout these periods, a number of terrorist-styled attacks such as kidnapping, suicide bombing and mass shooting had occurred which involved civilians and authorities. This situation had affected the stability and security of Southeast Asia region since the inclination of GAM, MILF and PULO separatists in implementing the ways of transnational terrorist organisations operate e.g Al-Qaeda and Jemaah Islamiyyah to gain attention and for the sake of achieving their self-determination goal. Although the leadership of GAM, MILF and PULO denied their involvement with terrorist activism, this article found that there were similarities in terms of movements' behaviours, sources for military training, funding and equipments that indirectly supports the argument of the interconnectedness between terrorism and separatist movements in Southeast Asia.*

**Keywords:** GAM, MILF, PULO, terrorism, separatism

## **Pengenalan**

Asia Tenggara merupakan sebahagian dari wilayah benua Asia yang menempatkan sebelas negara merdeka terdiri daripada Thailand, Indonesia, Filipina, Malaysia, Singapura, Brunei, Vietnam, Myanmar, Laos, Kemboja dan Timor Leste. Kemerdekaan yang dikecapi menggambarkan selesai sudah era penjajahan Barat dan membuka ruang bagi setiap negara ke arah berkerajaan sendiri. Namun demikian, kedatangan penjajah Barat secara tersirat telah 'merosakkan' polarisasi dan hubungan kaum masyarakat Asia Tenggara yang terdiri daripada pelbagai agama, bangsa, budaya dan keturunan dalam setiap negara. Antara agama-agama terbesar yang wujud di rantau Asia Tenggara ialah Islam, Budha, Hindu dan Kristian. Pelbagai dasar yang diperkenalkan penjajah bertujuan mengelakkan penyatuan rakyat seluruh negara yang dikhuatiri mampu menggugat status quo pendudukan asing di Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, demi memenuhi tuntutan antarabangsa, penjajah Barat telah memberi kemerdekaan secara mutlak kepada wilayah jajahan mereka dan meninggalkan penduduknya dalam suasana politik dan ekonomi yang masih dianggap tidak stabil.

Lantaran itu, timbul pelbagai konflik dan masalah dalaman negara sehingga wujud gerakan-gerakan pemisah dan kumpulan yang dilabel pengganas yang berusaha menubuhkan wilayah autonomi sendiri daripada

kerajaan sedia ada. Fenomena kewujudan gerakan separatis dan teroris di rantau Asia Tenggara dilihat hampir seragam dari segi faktor kebangkitan, matlamat perjuangan, modus operandi, sumber kewangan dan corak organisasi. Oleh yang demikian, artikel ini merungkai persoalan sejauh mana gerakan separatis dan teroris di Asia Tenggara saling berkait. Fokus penulisan ini memuatkan latar belakang gerakan separatis dan terorisme di Asia Tenggara seperti MILF (*Moro Islamic Liberation Front*), PULO (*Pattani United Liberation Front*) dan GAM (Gerakan Aceh Merdeka) sebagai unit analisis di samping perbincangan terhadap definisi separatisme dan terorisme. Akhirnya, perbincangan meneliti wacana terorisme dan separatisme.

## Terorisme

Tragedi serangan 11 September 2001 di Amerika Syarikat telah 'mempopularkan' konsep terorisme dan gerakan pengganas secara global. Sejak peristiwa tersebut, terorisme dianggap musuh utama dunia yang perlu diperangi sehingga muncul dasar '*Global War on Terrorism*' yang diterajui oleh Amerika Syarikat.<sup>1</sup> Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan terorisme? Siapakah yang menjadi aktor kepada terorisme? Apakah modus operandi yang sering dilakukan oleh gerakan pengganas? Persoalan-persoalan ini dihuraikan berdasarkan kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh para sarjana seluruh dunia.<sup>2</sup> Menurut Kiras, terorisme merupakan keganasan yang dilakukan oleh sesuatu kumpulan dalam negara bertujuan menakutkan, menyerang dan menasarkkan orang awam untuk menarik perhatian, melemahkan pihak lawan dan memberi kesan kepada perubahan politik.<sup>3</sup> Ianya sering kali dikaitkan dengan kumpulan minoriti merangkumi minoriti agama, bangsa mahupun ideologi yang berusaha mendapatkan sokongan dan perhatian komuniti antarabangsa. Selain itu, Goldstein dan Pevehouse mentakrifkan terorisme sebagai keganasan politik yang tersembunyi dengan menasarkkan orang awam secara sengaja dan sembarangan. Ia membayangi dunia sebagai musuh tanpa wajah dengan taktik-taktik yang ekstrem dan luar biasa.<sup>4</sup> Sementara itu, Whittaker menjelaskan terorisme seperti berikut;

*“It is a premeditated, politically motivated use of violence or its threat to intimidate or coerce a government or the general public. It is a strategy of violence designed to achieve desired out-comes by installing fear and insecurity. There is an unlawful use or threat of force through sustained campaigned or sporadic incidents. There is calculated use of violence against civilian, non-combatant targets. Terrorism is usually carried out by sub-national groups, occasionally, by dedicate lone individuals. Maximum publicity is normally an important objective for terrorist.”*<sup>5</sup>

Ringkasnya, ketiga-tiga sarjana bersetuju bahawa terorisme merupakan alat sesebuah kumpulan yang mempunyai motif politik tersendiri yang dicapai menerusi perbuatan ganas yang melibatkan serangan terhadap orang awam. Rata-rata pengkaji yang menulis tentang terorisme sering mengaitkannya dengan peristiwa 11 September 2001 sebagai kemuncak kepada ancaman terorisme di dunia. Kebanyakan kumpulan Islamis dari negara-negara Islam seperti Afghanistan, Iraq, Iran, Syria, Mesir, Pakistan, Filipina dan Indonesia dilabel sebagai pengganas dalam senarai terroris antarabangsa oleh Biro Siasatan Persekutuan (FBI) dan Agensi Perisikan Pusat Amerika (CIA).<sup>6</sup> Pandangan bias ini telah dikuatkan lagi oleh seorang sarjana Israel dari Universiti Haifa, Arie Perliger dalam penulisan beliau *Middle Eastern Terrorism* yang menjelaskan Syria dan Iraq sebagai “*First seeds of Islamic Terrorism*”.<sup>7</sup>

Selain melabel kumpulan-kumpulan militan Islam sebagai pengganas, Norulhuda Othman tampil membuat kenyataan dalam penulisan beliau *Terorisme Global: Ancaman terhadap Kedaulatan Negara-negara ASEAN* bahawa negara juga boleh dilabel sebagai terroris apabila mereka menggunakan taktik menasaskan orang awam bagi melumpuhkan musuh.<sup>8</sup> Beliau menegaskan terorisme mesti dilihat dari dua aspek iaitu terorisme yang didalangi oleh mereka yang berkuasa dan yang didalangi oleh individu. Terorisme bukan sahaja terdiri daripada individu atau kumpulan kecil, malahan sesebuah kerajaan juga boleh diklasifikasikan sebagai pelaku terorisme apabila menggunakan taktik *carpet bombing* yang mengakibatkan insan yang tidak berdosa kehilangan nyawa. Contoh yang paling nyata adalah semasa Perang Dunia Kedua apabila Amerika Syarikat telah menggugurkan bom atom di bandar Hiroshima dan Nagasaki yang meninggalkan kesan mendalam terhadap warga Jepun yang tidak bersalah.

Definisi dan aktor yang dikaitkan dengan terorisme oleh para pengkaji antarabangsa menjadikan penulis bersetuju dengan pandangan Kiras bahawa secara asasnya terorisme mudah difahami sebagai tindakan keganasan yang dilakukan oleh individu atau sesebuah kumpulan bertujuan mencapai agenda tersendiri dengan menasaskan orang awam untuk menarik perhatian umum semaksimum mungkin.<sup>9</sup> Definisi ini dilihat lebih sesuai dengan fenomena terorisme global yang sering berlaku dalam dunia kontemporari. Modus operandi atau taktik yang sering digunakan oleh kumpulan pengganas untuk menasaskan orang awam ialah dengan meletupkan diri (*suicide bombing*) dan memasang bom di tempat awam seperti hotel, stesen keretapi, bangunan kerajaan, masjid, jalanan, sekolah dan lain-lain yang dirasakan mampu meragut nyawa manusia dalam skala yang besar. Cara sedemikian sentiasa berlaku di Syria, Iraq, Yemen dan Pakistan dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini sebagaimana yang didedahkan oleh media massa. Selain penggunaan letupan dan *suicide bombing*, penculikan rakyat sesebuah negara seperti rampasan kapal terbang dan penahanan pelancong atau wartawan asing merupakan

taktik yang lazim digunakan pengganas untuk mengugut sesebuah kerajaan supaya tunduk kepada kehendak dan kepentingan mereka. Whittaker telah menyenaraikan beberapa metod yang biasa digunakan oleh teroris seperti:

*“Bombs in vehicle; remote controlled explosions; Molotov cocktails; biological and chemical materials disseminated offensively; grenades; gun attacks; mortar attacks; attack with rocket launcher; knife attacks; machete attacks, hijacking of vehicle and aircraft; hostage taking; kidnapping; torture; sabotage on buildings; public facilities and transport; assassination; letter bombs.”*<sup>10</sup>

Tindakan-tindakan ini adalah sukar untuk dijangka dan dikesan menyebabkan terorisme dianggap perbuatan tidak bertamadun yang masih wujud dalam dunia moden hari ini. Mengapakah kumpulan atau individu yang dikaitkan dengan terorisme terdorong untuk melakukan sedemikian? Apakah faktor yang berjaya meningkatkan motivasi mereka? Adakah kehidupan kumpulan sedemikian sentiasa ditindas oleh pihak berkuasa? Persoalan-persoalan ini seharusnya dibangkitkan dan dikaji secara mendalam sebagai salah satu langkah membendung ancaman terorisme global. Whittaker sekali lagi menyenaraikan empat faktor utama yang menjadi penyebab berlakunya kegiatan terorisme oleh seseorang individu atau sesebuah kumpulan:

*“To acquire what is unfairly denied such as land, freedom, basic rights and opportunities. To reassert identity, status, legitimate possession, where these are challenged or lost. To protect where an entity is threatened or ill-treated. To restore where former rights, privileges, advantages have been denude or taken away.”*<sup>11</sup>

Penjelasan ini memperlihatkan pelaku terorisme di suatu sisi seolah-olah diancam atau dinafikan hak mereka sehingga mereka bangkit menentang kezaliman yang dihadapi. Sebagai contoh, al-Qaeda yang mempunyai rangkaian organisasi gerakan diseluruh dunia menyatakan bahawa matlamat utama perjuangan mereka adalah untuk membela agama Islam dan penganutnya daripada ancaman dan penindasan kuasa-kuasa besar secara terus menerus. Selain al-Qaeda, terdapat banyak lagi kumpulan-kumpulan minoriti di seluruh dunia yang bertindak memilih jalan keganasan sebagai langkah terakhir menuntut desakan pemisahan dan perubahan daripada sesebuah kerajaan. Sebagai contoh adalah gerakan separatis Basque di Sepanyol, Tentera Republik Irish (IRA) di Ireland Utara dan Parti Sekerja Kurdistan (PKK) di Turki. Gerakan kumpulan minoriti tersebut sama ada minoriti agama, etnik, mazhab dan lain-lain kebiasaannya berjuang membela nasib masyarakat mereka dengan kaedah sedemikian apabila saluran politik yang disediakan tidak lagi memberi impak positif. Bagi kumpulan yang ingin membentuk wilayah

sendiri berasaskan faktor sejarah, identiti (agama, kaum, mazhab, etnik, suku) dan fundamental, mereka turut dikenali sebagai puak pemisah atau gerakan separatis.

## Separatisme

Separatisme merujuk kepada tuntutan pemisahan akibat perbezaan budaya, etnik asal dan agama di mana kelompok tertentu ingin memisahkan diri daripada tanah besar (negara induk) dan memiliki autonomi atau kuasa penuh politik bagi membina negara yang baharu serta berdaulat. Tindakan ini bergantung kepada situasi tempatan sama ada bertujuan untuk kemerdekaan, berusaha memiliki kembali hak asasi yang terancam, ingin memiliki kuasa penentu dan mendapatkan semula wilayah lama atau menyahkan pengkolonialan yang sedia ada.<sup>12</sup> Matlamat gerakan separatis atau puak pemisah lebih jelas matlamat mereka berbanding gerakan teroris kerana gerakan separatis sentiasa berjuang menuntut wilayah sendiri yang merdeka, manakala gerakan teroris pula lebih berfokus kepada penggunaan kuasa secara tidak sah dan mempunyai kepentingan ideologi tertentu dalam mencapai objektif politik dengan mensasarkan keganasan kepada masyarakat awam yang tidak bersalah. Gerakan separatis bermatlamatkan penubuhan sebuah negara atau wilayah autonomi di bawah kuasa penduduk tempatan tanpa kawalan daripada kerajaan pusat. Menurut Najmul Abedin,

*“Separatism amounts to the unwillingness of a group of people or of a region to feel an integral part of the community or of the state to which it belongs. In other words, it implies political alienation or lack of national identity and loyalty. It stands in the way of the development of a sense of national integration and of homogeneity in a heterogeneous society.”*<sup>13</sup>

Gerakan separatis secara umum lebih sukar dan mencabar dalam usaha mereka mencapai matlamat perjuangan. Hal ini disebabkan keengganan kerajaan pusat berkompromi apatah lagi melepaskan wilayah yang dianggap sebahagian daripada negara mereka. Justeru, penentangan puak pemisah ini berlaku dengan metod terorisme bagi menjayakan hasrat mereka menarik perhatian dunia dan seterusnya menubuhkan negara sendiri. Ini menunjukkan berlaku pertindihan di antara terorisme dan separatisme di mana gerakan pemisah menggunakan taktik keganasan sebagai salah satu metod perjuangan mereka.

Di antara gerakan separatis yang terkenal di seluruh dunia ialah LTTE (Liberation of Tamil Tiger Eelam) di Utara Sri Lanka, PLO (Palestinian Liberation Organization) di Palestin, Hezbollah di Selatan Lubnan, IRA (Irish Republican Army) di Ireland Utara, ETA (Euzkadi ta Askatasuma) di Utara

Spanyol, MILF (Moro Islamic Liberation Front) di Selatan Filipina, PULO (Pattani United Liberation Organization) di Selatan Thailand, dan Gerakan Pemisah Chechen di Selatan Russia dan lain-lain. Walau bagaimanapun, menjawab persoalan utama artikel ini, tumpuan hanya diberikan terhadap gerakan separatis di Asia Tenggara.

## Gerakan Separatis Asia Tenggara

Rantau Asia Tenggara yang dihuni hampir 655 juta penduduk sememangnya tidak sunyi dari masalah terorisme dan gerakan puak pemisah yang menuntut pengasingan wilayah atau kuasa autonomi dari kerajaan pusat. Beberapa negara ASEAN pula telah disyaki menjadi sarang kegiatan terorisme sebagaimana yang didakwa oleh Amerika Syarikat terhadap gerakan bersifat fundamental Islam seperti Jemaah Islamiah dan rangkaian al-Qaeda di Indonesia. Antara negara yang dikenal pasti berhadapan dengan masalah terorisme dan gerakan separatis adalah Indonesia, Thailand, Filipina dan Myanmar. Mengapa wujud gerakan pemisah di Asia Tenggara? Hasil pemerhatian terhadap beberapa kajian lepas menemukan jawapan seperti berikut.<sup>14</sup>

1. Penindasan terhadap masyarakat minoriti yang berasaskan agama, bangsa dan kaum oleh kerajaan pusat.
2. Keinginan masyarakat minoriti mempertahankan hak dan identiti mereka daripada penindasan pemerintah.
3. Pemeliharaan agama, bahasa, budaya dan identiti daripada ancaman kumpulan majoriti.
4. Perjuangan kumpulan minoriti menuntut hak yang adil terhadap politik dan ekonomi dalam negara.
5. Faktor sejarah lampau yang membangkitkan sentimen kebangsaan sekaligus keinginan memperoleh *self-determination*.

Gerakan separatis di Asia Tenggara sentiasa dikaitkan dengan perjuangan golongan minoriti yang tertumpu di kawasan tertentu dalam sesebuah negara menuntut pemisahan wilayah dan autonomi sendiri daripada negara induk. Ada yang berjaya mencapai matlamat perjuangan sebagaimana GAM di Aceh dan Fretilin di Timor Leste. Di Selatan Thailand dan Filipina pula, pergolakan wilayah masih berterusan. Gerakan pemisah di selatan negara-negara demikian telah berjuang dan masih menuntut kemerdekaan wilayah. Perjuangan di Selatan Filipina pernah digerakkan oleh beberapa kumpulan pemisah seperti MILF, MNLF, BMLO (Bangsa Moro Liberation Organization) dan lain-lain, manakala di Selatan Thailand pula adalah PULO, BNPP (Barisan Nasional Pembebasan Pattani), BBMP (Barisan Bersatu Mujahideen Pattani) dan BRN (Barisan Revolusi Nasional). Walau

bagaimanapun, artikel ini tertumpu kepada MILF, GAM dan PULO sebagai gerakan pemisah yang popular dalam mencapai matlamat perjuangan mereka di negara masing-masing. Maklumat berhubung latar belakang ketiga-tiga gerakan tersebut seperti sejarah penubuhan, objektif perjuangan dan modus operandi dibincangkan dalam subtopik berikut.

## MILF

Pergerakan MILF diasaskan oleh Hashim Selamat, seorang bangsawan berpendidikan agama pada tahun 1977 setelah berlaku perselisihan dengan MNLF di bawah pimpinan Nur Misuari. Pemimpin terkini MILF ialah Al Haj Murad Ibrahim. Gerakan ini memperjuangkan kemerdekaan sepenuhnya wilayah Selatan Mindanao daripada kerajaan Filipina untuk Bangsa Moro yang majoritinya beragama Islam. Peristiwa pembunuhan orang Islam di Pulau Corrigedor atau dikenali sebagai *Jabidah Massacre* pada tahun 1968 menjadi titik tolak kebangkitan gerakan pemisah di Filipina.<sup>15</sup> Pemimpin tempatan, para cerdik pandai dan ulama di seluruh wilayah Selatan Mindanao telah menggesa agar jihad dilancarkan bagi 'mengajar' rejim Filipina pada ketika itu, iaitu pimpinan Ferdinand Marcos (1965-1986) supaya tidak memandang hina nyawa dan maruah umat Islam Mindanao. Lantaran itu, tertubuhlah Barisan Pembebasan Nasional Moro sebagai gerakan awal yang berjuang membela nasib minoriti Muslim di Filipina sebelum ianya berpecah kepada MNLF (gerakan asal) dan MILF (gerakan baharu).

Sebagai sebuah gerakan pemisah Islam paling dominan di Filipina, MILF mempunyai tiga matlamat utama perjuangan. Pertama adalah mengembalikan kemerdekaan dan hak pemerintahan sendiri. MILF menuntut pemisahan wilayah Selatan Filipina yang terdiri daripada Kepulauan Mindanao, Basilan, Tawi-Tawi dan Sulu sebagai satu cara mutlak melepaskan diri Bangsa Moro daripada kekejaman dan penindasan berterusan kerajaan Filipina. Mereka mendakwa wilayah tersebut adalah peninggalan Kesultanan Islam sejak berabad lamanya yang mentadbir penduduk Islam Moro. Malah wilayah tersebut juga tidak pernah dijajah oleh mana-mana kuasa besar walaupun Sepanyol menerusi Perjanjian Paris 1898 mendakwa wilayah tersebut dikuasai mereka semasa proses 'menjual' Filipina kepada Amerika Syarikat.<sup>16</sup>

Penindasan terhadap Bangsa Moro bermula sejak kurun ke 14 lagi apabila Sepanyol menjajah Filipina diikuti dengan Amerika Syarikat (1898) dan diteruskan oleh pemerintah Filipina. Setiap rejim yang memerintah berusaha menguasai Selatan Filipina dengan strategi ketenteraan yang kejam menyebabkan kemarahan Bangsa Moro. Penindasan berlaku meliputi diskriminasi terhadap hasil ekonomi, hak berpolitik, kebebasan beragama (Islam), pendidikan, peluang pekerjaan dan pembangunan wilayah.<sup>17</sup> Selatan Mindanao merupakan wilayah yang kaya dengan sumber bahan mentah meliputi sektor perikanan, hasil galian, penanaman padi, tebu dan lain-lain.



Kesuburan tanahnya untuk pertanian menyebabkan pemerintah Filipina enggan melepaskan wilayah tersebut kepada penduduk Moro.

Kedua ialah penubuhan negeri dan kerajaan Islam. Pimpinan MILF menjadikan Islam sebagai agenda kemerdekaan Bangsa Moro memandangkan Kesultanan Islam pernah memerintah Selatan Filipina sekitar kurun ke 14 sehingga Kejatuhan Sultan yang terakhir, Sultan Jamal ul-Kiram II (1894-1936). Mereka telah mewujudkan sebuah kem iaitu kem Abu Bakar As-Siddique dan Kem Bushra sebagai model pemerintahan Islam kepada Bangsa Moro. Menurut Hashim Selamat *“The establishment of the MILF’s camps, more specifically, the Camp Abu Bakre As-Siddique, Bushra and Darapanan, served as a model for da’wah.”*<sup>18</sup>

Ketiga, mengagungkan kalimah tauhid. Jihad meninggikan kalimah Allah dengan harapan mati syahid menjadi motivasi perjuangan MILF. Proses kristianisasi yang dimulakan oleh Sepanyol diikuti oleh Amerika Syarikat dan Filipina terhadap Bangsa Moro membangkitkan kemarahan mereka menyebabkan mereka berjuang memelihara akidah Islam. Dalam usaha MILF mencapai objektif di atas, mereka telah membangunkan dua strategi iaitu:

- (1) Strategi Politik: Pengukuhan Organisasi MILF dan Rundingan Diplomatik dengan kerajaan Filipina. Sebagai contoh Perjanjian Tripoli 1976 dan Rundingan Damai Kuala Lumpur 2011.
- (2) Strategi Ketenteraan: Perang Gerila apabila diserang tentera kerajaan. Terdapat pelbagai kem-kem tentera dibangunkan untuk melatih Mujahidin Moro mempertahankan diri mereka daripada kekejaman tentera Filipina dan pemberontak Kristian (ILAGA). Mereka membentuk unit militari dan separa militari sebagai persediaan untuk menghadapi serangan tentera kerajaan.

## **PULO**

PULO merupakan sebuah gerakan pemisah yang bergiat aktif di Selatan Thailand. Ianya diasaskan pada tahun 1968 oleh Kabir Abdul Rahman, seorang lulusan Sains Politik dari Aligarh Muslim University, India.<sup>19</sup> Gerakan ini ditubuhkan bertujuan membentuk sebuah negara Patani merdeka, bertitik tolak daripada asal usul sejarah wilayah Patani yang pernah mempunyai kerajaan sendiri sebelum berlakunya ‘Penjajahan Siam’ selepas campur tangan British. Mereka menuntut pemisahan wilayah Selatan Thailand (Yala, Narathiwat dan Songkhla) daripada kerajaan Thailand memandangkan wilayah tersebut dihuni majoriti penduduk Melayu-Islam. Sejarah masyarakat Patani juga sentiasa berkait rapat dengan kewujudan institusi kesultanan Islam yang mentadbir Pattani Darus Salam (wilayah Patani) sejak abad ke 15 lagi setelah Islam

berkembang pesat di Kepulauan Nusantara.

Kerajaan Islam Pattani mempunyai hubungan yang baik dengan Kerajaan Turki Uthmaniah sehingga ulama besar Pattani, Sheikh Daud Pattani pernah diundang oleh kerajaan Turki untuk menerima anugerah yang mengiktiraf sumbangan keilmuannya. Kedatangan British ke Tanah Melayu telah mengakibatkan wilayah Pattani jatuh ke tangan Raja Siam setelah Perjanjian Bangkok ditermeterai.<sup>20</sup> Kerajaan Islam Pattani pada masa tersebut juga semakin lemah dan kerap tunduk kepada serangan Siam. Sejak berakhirnya institusi Kesultanan Islam di Pattani, maka bermulalah episod duka masyarakat Muslim Selatan Thailand apabila sering ditindas dan dizalimi oleh pemerintah Thailand yang majoritinya beragama Buddha dan berbangsa Siam.<sup>21</sup> Lantaran itu, pelbagai gerakan pemisah dan militan ditubuhkan bagi membendung tindakan ganas pihak penguasa Thailand terhadap minoriti Muslim di Pattani. Salah sebuah daripada gerakan tersebut adalah PULO yang lahir daripada serpihan gerakan-gerakan pemisah terdahulu seperti Barisan Nasional Pembebasan Patani (BNPP) dan Barisan Revolusi Nasional (BRN). Menurut Aurel Croissant, objektif perjuangan PULO adalah:

- (1) Menuntut kemerdekaan wilayah Selatan Thailand daripada pemerintahan kerajaan pusat.
- (2) Berusaha mendapatkan hak pemerintahan autonomi bagi wilayah Selatan Thailand sekiranya proses mencapai kemerdekaan menemui jalan buntu.
- (3) Memperjuangkan nasib penduduk Melayu Patani dari segi kedudukan ekonomi, hak berpolitik, peluang pendidikan, pekerjaan dan lain-lain.
- (4) Mempertahankan identiti Islam dan budaya Melayu dari penindasan kerajaan pusat Thailand.<sup>22</sup>

Sebagai sebuah organisasi pemisah yang dianggap masih konsisten sehingga hari ini, PULO merencanakan perjuangan mereka menerusi dua kaedah iaitu pertama, tindakan tanpa kekerasan seperti penggunaan saluran politik, diplomasi dan rundingan. Pernah beberapa kali rundingan diadakan dengan kerajaan Thailand di Kuala Lumpur tetapi gagal. Pada tahun 2010, OIC dan The Geneva Academy of International Humanitarian Law and Human Rights pernah bersama-sama PULO membantu menyelesaikan masalah minoriti Muslim di Selatan Thailand namun masih tidak membuahkan hasil yang positif. Kedua, tindakan kekerasan seperti penggunaan saluran ketenteraan apabila polis dan tentera kerajaan menjalankan operasi menghapuskan puak pemisah. PULO telah menubuhkan sayap ketenteraan di bawah nama Tentera Pembebasan Bersatu Pattani. Mereka juga bertindak menggempur kem-kem tentera dan pos pengawal untuk membebaskan ahli-ahli mereka yang ditahan dan mendapatkan bekalan senjata.<sup>23</sup>

## GAM

GAM merupakan salah sebuah gerakan pemisah di rantau Asia Tenggara yang dikira berjaya dalam pembabitannya mendapatkan wilayah autonomi di Aceh. Walaupun pada asasnya mereka berjuang membentuk sebuah negara Aceh yang merdeka dan terpisah dari Republik Indonesia, persetujuan kerajaan untuk memberi kuasa autonomi di wilayah Aceh menyebabkan gerakan ini secara rasminya dibubarkan dan ahli-ahli mereka menyerahkan senjata pada 19 Disember 2005. GAM diinspirasikan oleh perjuangan Tengku Muhammad Daud Beureueh, seorang ulama yang berhasrat menubuhkan Republik Islam Aceh dari penindasan dan 'penjajahan Jawa Indonesia' khususnya semasa rejim Order Baru<sup>24</sup> Perjuangan beliau telah diorganisasikan oleh Hasan Muhammad Di Tiro sehingga membentuk GAM yang mula beroperasi pada tanggal 20 Mei 1976 sehingga pengisytiharan wilayah autonomi Aceh pada 15 Ogos 2005. Gerakan ini sememangnya ditakuti oleh kerajaan Republik Indonesia kerana ianya mendapat dokongan penuh rakyat Aceh yang mahu pemisahan untuk mewujudkan sebuah Darul Islam.

Aceh merupakan wilayah yang kaya dengan sumber bahan mentah dan minyak tetapi daerah ini antara yang mundur dari segi pembangunan ekonomi di Indonesia. Rata-rata rakyatnya hidup di bawah kemiskinan menyebabkan mereka terpaksa mencari rezeki di luar Aceh dan di negara-negara jiran yang lain. Peminggiran Aceh yang seolah-olah dianaktirikan membangkitkan sentimen kebangsaan dan penyatuan umat Islam Aceh untuk menuntut kemerdekaan dan *self determination* daripada kerajaan Republik Indonesia. Lantaran itu, terbentuklah sebuah gerakan yang diberi nama Gerakan Aceh Merdeka hasil musyawarah ulama-ulama besar dan tokoh-tokoh intelektual Aceh yang bertebaran di seluruh dunia.

Tujuan penubuhan GAM adalah untuk memenuhi beberapa perkara. Pertama, menubuhkan sebuah negara Aceh yang merdeka yang dipimpin oleh kerajaan daripada kalangan anak watan Aceh. Kedua, mendaulatkan pemerintahan Islam dengan al-Quran dan as-Sunnah sebagai teras perlembagaan dan undang-undang negara. Ketiga, meneruskan kesinambungan warisan pemerintahan Kesultanan Islam Aceh bentuk sistem syura yang berasaskan persetujuan semua. Keempat, memanfaatkan sumber-sumber hasil galian dan bahan mentah untuk pembangunan ekonomi rakyat Aceh. Kelima, mengekalkan Aceh sebagai sebuah wilayah yang mewarisi gelaran 'serambi Mekah' dengan membangunkan pusat-pusat pengajian agama, masjid dan sekolah.

Sebagaimana dengan MILF dan PULO, GAM juga melaksanakan strategi politik dan ketenteraan untuk mencapai matlamat perjuangannya. Strategi politik GAM lebih menjurus kepada rundingan dengan kerajaan Republik Indonesia melalui wakil-wakil GAM yang dibentuk seolah-olah mewakili kerajaan Aceh. Mereka menyusun beberapa jawatan di dalam

organisasi GAM untuk memudahkan pembahagian tugas dan jawatan<sup>25</sup> Selain rundingan, GAM juga cuba mendapatkan sokongan antarabangsa menerusi peranan PBB dalam usaha mendedahkan kekejaman tentera Indonesia (TNI) terhadap warga Aceh dan menjelaskan motif perjuangan mereka. Hasan Di Tiro selaku pemimpin tertinggi GAM selepas Tengku Muhammad Daud Beureueh pernah mengirimi surat kepada bekas Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan pada 7 dan 25 Januari 1999 untuk menjelaskan perjuangan GAM dan mengingatkan Resolusi PBB 1514 (XV) dan 2711 (XXV) yang menyentuh tentang keabsahan gerakan pemisah untuk memperolehi *self determination*.<sup>26</sup>

Strategi ketenteraan GAM menjurus kepada perang gerila berbanding pertempuran secara terbuka dengan Tentera Nasional Indonesia (TNI). Kekuatan ketenteraan GAM banyak dibantu oleh pembinaan markas-markas strategik yang tersembunyi di kawasan pergunungan untuk merekrut ahli-ahli baharu sebagai tentera GAM. Dianggarkan bilangan anggota tentera GAM untuk seluruh wilayah Aceh sehingga tahun 1999 adalah seramai 490 000 orang dan bilangan tersebut terus bertambah sehingga pembubaran GAM pada penghujung tahun 2005.<sup>27</sup> Tujuan utama pembentukan unit ketenteraan adalah untuk melindungi operasi perjuangan GAM dan rakyat Aceh daripada serangan TNI, khususnya semasa era rejim Order Baru.

## **Teroris dan Terorisme di Asia Tenggara**

Setelah meneliti maklumat asas gerakan separatis di Asia Tenggara, perbincangan seterusnya menumpukan kepada perkembangan terorisme di rantau tersebut. Gejala terorisme kebelakangan ini semakin menular di wilayah Asia Tenggara. Antara gerakan teroris di rantau ini yang dikenal pasti aktif beroperasi adalah sayap DAESH, al-Qaeda, Jemaah Islamiah dan Abu Sayyaf<sup>28</sup> Beberapa insiden keganasan seperti penculikan orang awam, pengeboman hotel dan pembunuhan terancang dilaporkan berlaku di Indonesia, Filipina dan Thailand dimana ianya turut dikaitkan dengan kumpulan pemisah yang wujud seperti GAM, MILF dan PULO. Kerajaan Thailand, Indonesia dan Filipina telah menuduh bahawa gerakan pemisah terlibat dalam beberapa insiden terorisme yang meletus di negara yang terbabit. Situasi ini mencetuskan persoalan bahawa gerakan separatis di Asia Tenggara menjadikan taktik terorisme sebagai modus operandi mereka secara 'tidak rasmi'. Selain itu, wujudkah hubungan rahsia di antara gerakan teroris global seperti al-Qaeda dengan gerakan-gerakan pemisah tersebut sehingga mendorong mereka terjebak ke dalam kancah aktiviti terorisme? Setelah meneliti gerakan separatis dan kegiatan terorisme yang berlaku di Asia Tenggara, subtopik terakhir artikel ini menjawab persoalan utama kajian iaitu sejauh manakah gerakan separatis dan terorisme di Asia Tenggara adalah saling berkait.

## Hubungkait di antara Gerakan Separatis dan Terorisme di Asia Tenggara

Setelah meneliti ketiga-tiga gerakan separatis dan kegiatan terorisme yang berlaku di Asia Tenggara, ia menunjukkan bahawa gerakan pemisah dan terorisme adalah saling berkait. Walaupun MILF, GAM dan PULO diiktiraf sebagai gerakan separatis yang tidak mempunyai ideologi khusus (seperti gerakan teroris transnasional), dan tidak disenaraikan dalam United Nations List of Foreign Terrorist Organizations, namun demikian, beberapa perkara telah menyebabkan gerakan-gerakan separatis tersebut mempunyai sedikit sebanyak perkaitan dengan terorisme. Perkaitan tersebut dapat dilihat menerusi dua perkara:

Pertama, jalinan hubungan dengan gerakan teroris global. GAM, MILF dan PULO dilihat mempunyai hubungan dengan al-Qaeda dan Jemaah Islamiah dalam aspek latihan ketenteraan, sumber kewangan dan sumber senjata api. Selain itu, mereka juga turut dikaitkan dengan peranan Libya dan Afghanistan selaku *state sponsored terrorism* di mana terdapat ahli-ahli mereka pernah mengikuti latihan intensif ketenteraan selama beberapa bulan di negara terbabit.<sup>29</sup> Menurut Rohan Gunaratna,

*“Specifically over the course of the 1990s, al-Qaeda and Taliban camps in Afghanistan trained between 70 000 and 120 000 Muslim youth to fight in the Philippines (Mindanao). Al-Qaeda provided ideological, financial, and operational support to groups such as the Moro Islamic Liberation Front (MILF).”*<sup>30</sup>

Dillon seterusnya menambah:

*“Between 1986 and 1989, GAM sent an estimated 5000 military cadres to train in terrorist camps in Libya. There they associated with a wide cross-section of international terrorist group. Libya also acted as a conduit for ransom payments and aid money (sometimes called livelihood projects) for Abu Sayyaf and other Filipino Muslim groups.”*<sup>31</sup>

Terdapat dalam kalangan ahli-ahli GAM, MILF dan pemimpin PULO pernah menjadi sukarelawan mujahidin ketika Perang Afghanistan-Soviet era 80-an. Mereka secara tidak langsung pernah mendapat latihan ketenteraan yang intensif dan tersusun yang turut ‘dibiayai’ oleh Amerika dalam menghadapi penjajahan Kesatuan Soviet. Apabila pulang ke negara asal, pengalaman perang di Afghanistan telah memberi keyakinan kepada mereka untuk berjuang mengangkat senjata bagi membebaskan wilayah yang dianggap tertindas oleh pemerintah. Ikatan yang terjalin semasa perang di Afghanistan tidak berakhir

begitu sahaja. Ianya dikukuhkan apabila mereka berkongsi matlamat dan modus operandi yang sama untuk membebaskan wilayah yang dituntut dari kawalan kerajaan pusat. Sememangnya terdapat pertalian yang erat di antara GAM, MILF dan PULO. Gerakan ini pula terinspirasi daripada kejayaan mujahidin mengalahkan rejim Soviet di Afghanistan di bawah kendalian al-Qaeda dan Taliban. Mereka bekerjasama menerusi pelbagai kaedah seperti menyalurkan bantuan senjata, tempat latihan gerila, persembunyian dan lain-lain.

Kedua, hubungan kait di antara gerakan separatis dan terorisme di Asia Tenggara dapat dilihat menerusi tindakan keganasan yang menasarkankan orang awam sama ada pengeboman, penculikan, rampasan pengangkutan dan pembunuhan untuk melemahkan pentadbiran kerajaan seterusnya menarik perhatian. Menurut Dillon lagi,

*“MILF has continued its terrorist activities and has become a crucial training ground for terrorist in Southeast Asia. This group attacks civilians. It has burned more than a thousand houses in central Mindanao since 2000 and launched a bombing campaign at shopping malls, airports and inter-island ferries, killing hundreds of innocent people.”*

*“Since 1989, GAM has burned over 1000 states schools and killed more than 60 teachers. GAM has targeted Exxon-Mobil’s Arun natural facilities and is allegedly responsible for firing at Exxon-Mobil aircraft, hijacking their trucks, burning buses, and planting landmines along roads to disrupt oil transport.”<sup>32</sup>*

Gerakan separatis di Selatan Thailand pula sentiasa menjadi ‘suspek’ kerajaan Thailand apabila berlaku pengeboman di sekolah-sekolah kerajaan dan pembunuhan terhadap Sami Buddha, anggota polis dan tentera. PULO dikatakan bertindak sedemikian untuk melemahkan penguasaan pentadbiran Thailand di wilayah mereka dan sebagai tanda protes terhadap polisi yang digubal. Selain itu, beberapa ahli JI pula pernah ditangkap bersembunyi di Selatan Thailand setelah diburu pihak berkuasa Indonesia mereka selama beberapa bulan. Situasi ini mengukuhkan bukti bahawa gerakan pemisah di Selatan Thailand mempunyai perkaitan dengan Jemaah Islamiah sekaligus berkait dengan gerakan terrorist. Menurut Croissant, *“There is evidence of an Al Qaeda and Jemaah Islamiyah presence within Thailand. Some point to outside sources for providing training facilities, funds, motivation, and instigation to the Muslim insurgents in southern Thailand.”<sup>33</sup>*

Dua hujah di atas menunjukkan gerakan separatis dan terorisme adalah berkaitan. Ini terbukti apabila gerakan separatis terlibat dengan rangkaian terrorist global seperti gerakan al-Qaeda dan Jemaah Islamiah. Tindakan mereka mengebom, menculik dan menyerang di tempat-tempat awam yang

mendatangkan kemudaran kepada rakyat biasa sememangnya berkait rapat dengan modus operandi gerakan terorisme.

## Kesimpulan

Gerakan separatis di Asia Tenggara dengan merujuk kepada kajian kes GAM, MILF dan PULO adalah saling berkait dengan terorisme dari segi tindakan dan hubungan dengan gerakan terroris global seperti al-Qaeda dan Jemaah Islamiah. Dapatan ini disokong oleh kajian yang dikemukakan oleh para sarjana seperti kajian Rohan Gunaratna dan Whittaker. Sepanjang beroperasi, GAM, MILF dan PULO sering dikaitkan dengan aktiviti keganasan yang meragut nyawa orang awam di tempat-tempat yang terbuka. Namun demikian, tindakan terorisme tersebut berlaku sebagai tindak balas terhadap perlakuan kerajaan khususnya tentera dan polis yang menindas dan menangkap penduduk tempatan secara diskriminasi dan tidak berperikemanusiaan. Tuntutan gerakan pemisah yang dikemukakan melalui saluran politik juga sering kali menemui kegagalan. Gerakan pemisah tidak mempunyai banyak pilihan untuk menarik perhatian dunia umumnya dan negara khususnya dalam menyuarakan tuntutan mereka melainkan kaedah ‘terorisme’ yang dianggap memberi kesan secara drastik. Peranan state sponsored terrorism seperti Libya dan Afghanistan terhadap gerakan-gerakan tersebut sememangnya sukar dinafikan kerana bekalan senjata dan kelengkapan peperangan mudah diperolehi di negara terbabit. Zaman ‘kegemilangan’ GAM dan PULO sebagai gerakan pemisah terbesar di rantau Asia Tenggara telah lama berakhir. Namun kesinambungan gerakan ini diteruskan oleh peranan MILF yang masih utuh dalam perjuangan kemerdekaan di Selatan Filipina.

## Nota Akhir

1. Menurut Heywood, fenomena terorisme global adalah bertitik tolak daripada peristiwa serangan 11 September 2001. “*The incident of September 11, 2001 by no means marked the beginning of global terrorism phenomenon in the early 21st century. Although a number of terrorism activities had occurred around the world since 1700s, the event of September 11 seems to ‘refresh’ the world attention regarding to this global security issues*”. Heywood, A, *Terrorism in Global Politics*, Hampshire, Palgrave Macmillan, 2011, hlm. 282-302.
2. Sebagai contoh kajian Chalk, 1996. *West European Terrorism and Counter-Terrorism: The Evolving Dynamic*, Hampshire, Mcmillan Press, hlm. 9; Martin, 2006. *Understanding Terrorism: Challenges, Perspectives, and Issues*, California: Sage Publications, hlm. 45; Lutz & Lutz, 2013. “Terrorism,” Dlm Collin, A. (pnyt.), *Contemporary Security Studies*, Edisi ketiga. Oxford: Oxford University Press, hlm.

- 275; Whittaker, 2004. "Terrorist and Terrorism in the Contemporary World," London: Routledge Taylor & Francis, hlm. 5; Cronin, 2002 "Globalization and International Terrorism", *International Security*, 27 (3), 2002, hlm. 32; dan Brown, 2008. "Terrorism," Dlm Salmon, T.C & Imber M.F (pnyt.), *Issues in International Relations*, Edisi Kedua, London, Routledge, hlm. 107.
3. Penjelasan Kiras adalah seperti berikut; "*The use of violence by sub-state groups to inspire fear, by attacking civilians and symbolic target for purpose such as drawing widespread attention to a grievance, provoking a severe response, or wearing down their opponent's moral resolve, to effect political change*" Kiras, "Terrorism and Globalization". Dlm J. Baylis, J & S. Smith, (penyt.), *The Globalization of World Politics: An Introduction to International Relations*. Edisi ketiga, Oxford, Oxford University Press, 2005, hlm. 482.
  4. Goldstein & Pevehouse, *International Relations*, New York, Pearson & Longman, 2004, hlm. 202.
  5. Whittaker, *Terrorist and Terrorism in the Contemporary World*. London: Routledge Taylor & Francis, 2004, hlm. 2.
  6. Martin, G. (pnyt.), *The New Era of Terrorism: Selected Readings*, California: Sage Publications, 2006, hlm. 48.
  7. Perliger, A., *The Roots of Terrorism: Middle Eastern Terrorism*, New York, Chelsea House Publishers, 2006.
  8. Norulhuda Othman, *Terorisme Global: Ancaman Terhadap Kedaulatan Negara-Negara Asean*. Dlm Hanizah Haji Idris (pnyt). *Asia Tenggara Kontemporari*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006, hlm. 87-88.
  9. Kiras, J.D., *Terrorism and Globalization*. Dlm J. Baylis, J & S. Smith, (penyt.), *The Globalization of World Politics: An Introduction to International Relations*. Edisi ketiga, Oxford, Oxford University Press, 2005.
  10. Whittaker, *Terrorist and Terrorism in the Contemporary World*, London, Routledge Taylor & Francis. 2004, hlm. 75.
  11. *Ibid.* hlm. 76.
  12. Cronin, 2002, hlm. 39; Chalk, 1996, hlm. 23 dan Brown, 2008, hlm. 110-111.
  13. Najmul Abiden, 1989. "The Politics of Separatism: Some Reflections and Questions", *The Round Table*, 78 (310), hlm. 223.
  14. Zachary Abuza, 2005, "The Moro Islamic Liberation Front at 20: State of the Revolution", *Studies in Conflict & Terrorism*, 28 (6), hlm. 453-479; Schulze, K.E., 2003. "The Struggle for an Independent Aceh: The Ideology, Capacity, and Strategy of GAM", *Studies in Conflict and Terrorism*, 26 (4), hlm. 241-271; Parks, T. I., 2009. "Maintaining peace in a neighbourhood torn by separatism: the case of Satun



- province in southern Thailand”, *Small Wars & Insurgencies*, 20 (1), hlm. 185-202.
15. *Jabidah Massacre* merupakan peristiwa dimana sekumpulan askar Filipina beragama Islam yang direkrut dari Selatan Mindanao telah dibunuh beramai-ramai atas arahan pihak tertinggi kerajaan (Marcos). Mereka dibunuh kerana rahsia kerajaan untuk mempergunakan mereka iaitu menyerang saudara mereka sendiri (suku Tausug dan Bajau) di Sabah terbongkar. Salah seorang daripada rekrut tentera tersebut telah berjaya melarikan diri sebelum diselamatkan oleh nelayan. Beliau kemudian mendedahkan kejadian tersebut kepada umum mengakibatkan rusuhan dan protes besar-besaran berlaku di hadapan bangunan kerajaan Filipina. Syed Muhd Khairuddin Aljunied & Rommel A. C., 2012. “Mediating and Consuming Memories of Violence: The Jabidah Massacre in the Philippines”, *Critical Asian Studies*, 44 (2), hlm. 227-250.
  16. Shamsuddin, L.T., *Strategies and Tactics of the Moro Islamic Liberation Front (MILF) in the Southern Philippines*, Sintok, Universiti Utara Malaysia Press, 2009, hlm. 25-41.
  17. Wan Kadir Che Man, *Muslim Separatism: The Moros of Southern Philippines and the Malays of Southern Thailand*, Singapore: Oxford University Press, 1990, hlm. 18-31.
  18. Shamsuddin. 2009, hlm. 39.
  19. Hacker, T.K., dan Michaud-Emin, L., “Pattani United Liberation Organization”, Dlm Barry Rubin (pnyt.), *Guide to Islamist Movements*, London and New York, ME Sharpee, 2010, hlm. 104-105.
  20. Antara isi kandungan Perjanjian Bangkok ialah British mengambil alih kekuasaan Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu manakala Pattani diletakkan dibawah kekuasaan Raja Siam. Perjanjian ditentang oleh Kesultanan Pattani memandangkan tiada wakil dari kalangan mereka diundang untuk berbincang.
  21. Pemerintah Thailand sejak pemerintahan Raja Phibul Songram telah melakukan penindasan terhadap minoriti Muslim di Selatan Thailand dengan cara mengasimilasikan mereka ke dalam satu bahasa, budaya dan agama yang dikenali sebagai ‘Rathaniyom’ atau ‘Pengsiaman’. Melayu Muslim dilarang menggunakan bahasa Melayu di sekolah-sekolah kerajaan dan menggunakan nama Melayu. Namun sesuatu yang masih tidak digugat terhadap minoriti Muslim di Selatan Thailand ialah kekuatan agama Islam. Mereka masih berpegang teguh kepada akidah Islam dan sukar menerima ajaran Buddha walaupun proses asimilasi sangat kuat dijalankan. Maklumat lanjut tentang kehidupan minoriti Muslim di Selatan Thailand boleh didapati dalam Nik Anuar Nik Mahmud, 1999. *Sejarah Perjuangan Melayu Patani: 1785-*

1954. Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia; Mala Rajo Sathian, 2006. "Melayu dan Militari di Pattani: Analisis Krisis Politik di Selatan Thailand". Dlm Hanizah Haji Idris (pnyt.), *Asia Tenggara Kontemporari*, Kuala Lumpur, Penerbit Universiti Malaya; dan Che Mohd Aziz Yaacob & Mohammad Zaki Ahmad, 2019. "Transformasi Isu Dalam Penyelesaian Konflik Patani Di Selatan Thailand," *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 46, (1), hlm. 131-154.
22. Croissant, A, "Muslim Insurgency, Political Violence, and Democracy in Thailand", *Terrorism and Political Violence*, 19 (1), 2007, hlm. 1-18.
23. Maklumat lanjut berkaitan siri keganasan yang berlaku di Selatan Thailand. Azhar Ahmad, Jayum Jawan dan Azmi Awang, 2012. "Konflik Selatan Thailand Pasca Thaksin Shinawatra", *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 13 (29), hlm. 86; Tan-Mullins, M., 2009. "Armed Conflict and Resolutions in Southern Thailand," *Annals of the Association of American Geographers*, 99 (5), hlm. 922-931.
24. Umat Islam Aceh melihat situasi budaya, politik dan ekonomi mereka di zaman pemerintahan Order Baru tidak memberi sebarang keuntungan. Persepsi mereka terhadap rejim order baru sama dengan pemerintahan Sukarno yang dianggap menipu rakyat Aceh dan menindas kehidupan mereka dengan kekuatan Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI). Al-Chaidar, *Gerakan Aceh Merdeka: Jihad Rakyat Aceh Mewujudkan Negara Islam*, Jakarta: Madani Press, 1999, hlm. 141.
25. Maklumat lanjut berkaitan struktur organisasi GAM boleh didapati dalam Al-Chaidar., 1999 dan Pane., 2001.
26. M. Isa Sulaiman, *Aceh Merdeka: Ideologi, Kepimpinan dan Gerakan*, Jakarta: Pustaka al-Kautsar, 2000, hlm. 112.
27. Pane, 2001, hlm. 135.
28. Al-Qaeda merupakan organisasi atau kumpulan perjuangan Muslim yang dipimpin oleh Osama Bin Laden. Idea asal bagi gerakan ini adalah daripada idea Abdullah Azzam iaitu pemimpin Maktab al-Khidmat (MAK) yang merekrut serta melatih para sukarelawan Muslim yang berasal daripada seluruh dunia untuk berjuang menentang Soviet Union di Afghanistan. Setelah berlaku penentangan terhadap Soviet Union di Afghanistan, pada 1988 beliau bersama Osama Bin Laden telah mendirikan gerakan baru yang dikenali sebagai Al-Qaeda. Sebelum akhir tahun 2011, Al-Qaeda mempunyai nama yang pelbagai seperti al-Jabliyah al-Islamiyyah al-Alamiyyah li Qital al-Yahud wa al-Salibiyyin atau The International Islamic Front for Jihad Against Jews and Crusaders, Islamic Army for the Holy Places (Tentera Islam

untuk Pembebasan Tempat-Tempat Suci) dan sebagainya. Maklumat lanjut mengenai latar belakang Al-Qaeda boleh didapati menerusi Alexander dan Swetnam, 2001. *Usama bin Laden's al-Qaida: Profile of a Terrorist Network*, New York: Transnational Publication. Daesh pula merupakan singkatan daripada ad-Dawlah al-Islamiyah fil-Iraq wash-Sham yang juga membawa maksud Islamic State in Iraq and Syria (ISIS), sebuah gerakan pengganas yang diasaskan oleh Abdullah Al-Baghdadi di Utara Iraq. Mula berkembang secara agresif pasca revolusi Syria 2011 dan berjaya melebarkan sayap di Rantau Asia Tenggara menerusi peranan gerakan Katibah An-Nusra. Osman, M.N.M., and Arosaie, A., 2018. "Jihad in the Bastion of "Moderation": Understanding the Threat of ISIS in Malaysia", *Asian Security*, hlm. 3-5. Dillon, 2004. "Southeast Asia and The Brotherhood of Terrorism", Heritage Lectures, hlm. 1-5, dan Gunaratna, R., 2011. *Terrorism in Southeast Asia: Threat and Response*, Hudson Institute, 2011.

29. Pane, 2001, hlm. 162.
30. Gunaratna, R., 2011, *Terrorism in Southeast Asia: Threat and Response*. Center for Eurasian Policy Occasional Research Paper Series II (Islamism in Southeast Asia), No.1, Hudson Institute, hlm. 1.
31. Dillon, 2004, hlm. 3.
32. Ibid.
33. Croissant, A, "Muslim Insurgency, Political Violence, and Democracy in Thailand", *Terrorism and Political Violence*, 19 (1), 2007, hlm. 6.

## Rujukan

- Abiden, N. 1989. "The Politics of Separatism: Some Reflections and Questions," *The Round Table*, 78 (310), 223-236.
- Abrahams, M. 2008. "What Terrorist Really Want: Terrorist Motives and Counterterrorism Strategy," *International Security*, 32 (4), 78-105.
- Abuza, Z. 2005. "The Moro Islamic Liberation Front at 20: State of the Revolution," *Studies in Conflict & Terrorism*, 28 (6), 453-479.
- Archick, K & Gallis, P. 2003. *Europe and Counterterrorism*, New York: Nova Science Publishers.
- Azhar, A, Jayum, J & Azmi A. 2012. "Konflik Selatan Thailand Pasca Thaksin Shinawatra." *Jebat: Malaysian Journal of History. Politics & Strategic Studies*, 13 (29), 73-95.
- Al-Chaidar. 1999. *Gerakan Aceh Merdeka: Jihad Rakyat Aceh Mewujudkan Negara Islam*. Jakarta: Madani Press.
- Alexander, Y and Swetnam, M.S. 2001. *Usama bin Laden's al-Qaida: Profile of a Terrorist Network*. New York: Transnational Publication.
- Brown, D. 2008. "Terrorism". Dlm Salmon, T.C & Imber M.F (pnyt.) *Issues in*

- International Relations*. Edisi kedua, London: Routledge.
- Chalk, P. 1996. *West European Terrorism and Counter-Terrorism: The Evolving Dynamic*, Hampshire: Mcmillan Press.
- Che Mohd Aziz Yaacob. 2011. Isu dan Penyelesaian: Konflik Pemisah Di Selatan Thailand, *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 38 (1), 13-33.
- Che Mohd Aziz Yaacob & Mohammad Zaki Ahmad. 2019. Transformasi Isu Dalam Penyelesaian Konflik Patani Di Selatan Thailand. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 46 (1), 131-154.
- Collin, A. (pnyt.). 2010. *Contemporary Security Studies*. 2<sup>nd</sup> ed. Oxford: Oxford University Press.
- Croissant, A. 2007. "Muslim Insurgency, Political Violence, and Democracy in Thailand". *Terrorism and Political Violence*, 19 (1), 1-18.
- Cronin, A.K. 2002. "Globalization and International Terrorism," *International Security*, 27(3), 30-58.
- Dillon, D.R. 2004. Southeast Asia and the Brotherhood of Terrorism. *Heritage Lectures*, 860, 1-5.
- Graf, A. et al. 2009. *Conflict in Moro Land: Prospects for Peace?* Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Goldstein, J.S & Pevehouse, J.C. 2004. *International Relations*. New York: Pearson & Longman.
- Griset, L.P & Mahan, S. 2003. *Terrorism in Perspective*. California: Sage Publications.
- Gunaratna, R. 2011. *Terrorism in Southeast Asia: Threat and Response*. Center for Eurasian Policy Occasional Research Paper Series II (Islamism in Southeast Asia), No.1, Hudson Institute.
- Hacker, T.K., & Michaud-Emin, L. 2010. Pattani United Liberation Organization. Dlm Barry Rubin (pnyt.), *Guide to Islamist Movements*. London and New York: ME Sharpee, hlm. 104-105.
- Heywood, A. 2011. *Terrorism in Global Politics*. Hampshire: Palgrave Macmillan.
- Hough, P. 2004. *Understanding Global Security*. London: Routledge.
- Kiras, J.D. 2005. "Terrorism and Globalization." Dlm Baylis, J & Smith, S. (penyt) *The Globalization of World Politics: An Introduction to International Relations*. Edisi ketiga. Oxford: Oxford University Press.
- Lutz, B & Lutz, J. 2013. "Terrorism." Dlm Collin, A. (pnyt.), *Contemporary Security Studies*. Edisi ketiga. Oxford: Oxford University Press.
- M. Isa Sulaiman. 2000. *Aceh Merdeka: Ideologi, Kepimpinan dan Gerakan*. Jakarta: Pustaka al-Kautsar.
- Mala Rajo Sathian. 2006. "Melayu dan Militari di Pattani: Analisis Krisis Politik di Selatan Thailand." Dlm Hanizah Haji Idris (pnyt.), *Asia*

- Tenggara Kontemporari*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 53-79.
- Martin, G., 2006. *Understanding Terrorism: Challenges, Perspectives, and Issues*. California: Sage Publications.
- Neumann, P.R. 2009. *Old & New Terrorism*. Cambridge: Polity Press.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 1999. *Sejarah Perjuangan Melayu Patani: 1785-1954*. Bangi Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norulhuda Othman. 2006. "Terorisme global: Ancaman Terhadap Kedaulatan Negara-Negara Asean". Dlm Hanizah Haji Idris (pnyt). *Asia Tenggara Kontemporari*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm. 80-111.
- Osman, M.N.M., & Arosaie, A. "Jihad in the Bastion of "Moderation": Understanding the Threat of ISIS in Malaysia", *Asian Security*, 3-5.
- Pane, N.S., 2001. *Sejarah dan Kekuatan Gerakan Aceh Merdeka: Solusi, Harapan dan Impian*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Widiasarana Indonesia.
- Parks, T.I. 2009. "Maintaining peace in a neighbourhood torn by separatism: the case of Satun province in southern Thailand", *Small Wars & Insurgencies*, 20 (1), 185-202.
- Perliger, A. 2006. *The Roots of Terrorism: Middle Eastern Terrorism*. New York. Chelsea House Publishers.
- Shamsuddin L.T. 2009. *Strategies and Tactics of the Moro Islamic Liberation Front (MILF) in the Southern Philippines*. Sintok: Universiti Utara Malaysia Press.
- Schulze, K.E. 2003. "The Struggle for an Independent Aceh: The Ideology, Capacity, and Strategy of GAM," *Studies in Conflict and Terrorism*, 26 (4), 241-271.
- Syed Muhd Khairuddin Aljuned & Rommel, A. C. 2012. "Mediating and Consuming Memories of Violence: The Jabidah Massacre in the Philippines." *Critical Asian Studies*, Vol. 44, No. 2, hlm. 227-250.
- Tan-Mullins, M. "Armed Conflict and Resolutions in Southern Thailand". *Annals of the Association of American Geographers*, 99(5), 922-931.
- Wan Kadir Che Man. 1990. *Muslim Separatism: The Moros of Southern Philippines and the Malays of Southern Thailand*. Singapore: Oxford University Press.
- Whittaker, D.J. 2004. *Terrorist and Terrorism in the Contemporary World*. London: Routledge Taylor & Francis.

## Nota Biografi

Mohd Irwan Syazli Saidin (irwansyazli@ukm.edu.my) merupakan pensyarah Sains Politik di Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau juga merupakan felo penyelidik Kehormat (Honorary Research Fellow) di Institute of Arab and Islamic Studies, University of Exeter, United Kingdom. Beliau memperolehi Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Politik Timur Tengah daripada University of Exeter dan Sarjana dalam bidang Politik Global daripada University of Southampton, United Kingdom.

Mohammad Agus Yusoff (agus@ukm.edu.my) merupakan profesor Sains Politik di Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau memperolehi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana dalam bidang Sains Politik daripada University of Manchester, United Kingdom. Bidang pengkhususan beliau adalah Federalisme, Pendemokrasian dan Pilihan Raya.